UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Buletin IQRA'

2026

Bil. 7/2026 - Julai • eISSN: 2735-1920

LAWATAN TUN DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN KE ITM SHAH ALAM PADA TAHUN 1973


UiTM Hari ini Dalam Sejarah

Edisi Julai 2026

14 Julai 1973

Lawatan Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman Ke ITM Shah Alam

Pada 14 Julai 1973, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, telah mengadakan lawatan rasmi ke kampus Institut Teknologi MARA (ITM) di Shah Alam, Selangor. Lawatan ini berlangsung dalam konteks pembangunan pesat ITM sebagai institusi pengajian tinggi utama untuk masyarakat Bumiputera, selari dengan aspirasi negara pasca-1969 untuk membentuk masyarakat yang adil dan harmoni. Tun Dr. Ismail melawat ITM bagi meninjau kemajuan kampus baharu tersebut dan memberi sokongan moral kepada pihak institusi.

Semasa lawatan tersebut, Tun Dr. Ismail telah dibawa melawat beberapa bahagian di sekiar kampus ITM Shah Alam oleh pihak pengurusan Institusi Dr. Arshad Ayub, selaku Pengarah ITM, mengiringi beliau meninjau kemudahan-kemudahan yag ada. Antara lokasi tumpuan dalam lawatan itu termasuklah kompleks Perpustakaan utama ITM.

Sumber :
1. Arkib Negara Malaysia - Deskripsi Foto Lawatan '14/07/1973'
2. Utusan Melayu (14 Julai 1973) - 'ITM di Amanah Satu Tugas Suci'
3. Laman web Majlis Keselamatan Negara (https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/08/03/tun-dr-ismail-dalam-kenangan/)

Pembudayaan Ilmu Membentuk Kecemerlangan

Pada 14 Julai 1973, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, telah mengadakan lawatan rasmi ke kampus Institut Teknologi MARA (ITM), Shah Alam, bagi meninjau perkembangan dan kemudahan kampus baharu. Lawatan yang diiringi oleh Pengarah ITM, Dr. Arshad Ayub, turut merangkumi kompleks Perpustakaan Utama ITM sebagai antara kemudahan penting dalam menyokong pembangunan pendidikan tinggi Bumiputera.

SCAN

PERASMIAN FAKULTI PERUBATAN UITM KAMPUS TELUK INTAN PADA TAHUN 2017


Memori Korporat

UiTM Dalam Sejarah

Bil.169/2026

Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan UiTM

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkenan mencemar Duli berangkat sempena Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 18 Julai 2017 jam 9.30 pagi di Fakulti Perubatan UiTM Kampus Teluk Intan, Jalan Changkat Jong Teluk Intan.

Kehadiran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan dan Pembesar Negeri turut mencemar Duli Ke Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan Universiti Teknologi MARA. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkenan mencemar Duli berangkat sempena Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 18 Julai 2017.

Pembudayaan Ilmu Membentuk Kecemerlangan

Pada 18 Julai 2017, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Fakulti Perubatan UiTM Kampus Teluk Intan, Jalan Changkat Jong. Majlis bersejarah yang turut dihadiri kerabat diraja Perak dan para pembesar negeri ini melambangkan sokongan institusi diraja terhadap usaha UiTM memperkukuh pendidikan perubatan serta melahirkan doktor berilmu, berintegriti dan berbakti kepada masyarakat.

SCAN

@libraryuitm

@libraryuitm

@perpustakaanuitm

@uitmlibrary

@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Univesiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam